

**MH370: Jika Anwar baik dengan Obama gunakan kelebihan itu**  
**Free Malaysia Today**  
**7 April 2014**  
**Oleh FMT Staff**

PETALING JAYA: Pengerusi Badan Bertindak Anti Penyelewengan Negeri Kedah, Khairul Anwar Ramli berkata jika benar Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai hubungan baik dengan pemimpin kuasa besar dunia seperti Barrack Obama beliau sepatutnya menggunakan kelebihan tersebut dengan membantu menyelesaikan isu pesawat MH370 itu dan tidak mengeluarkan kenyataan yang menjatuhkan imej sendiri.

Katanya, kelantangan Anwar Ibrahim dalam menyuarakan pandangan mengenai insiden MH370 kepada media Barat seolah-olah mencerminkan diri beliau yang bankrap isu politik .

Katanya, Anwar hanya membuang masa memberikan kenyataan tidak berasas tersebut dan dianggap tidak mempunyai isu baru yang hendak ditonjolkan.

“Anwar mengeluarkan kenyataan demi kenyataan dengan sewenang-wenangnya kepada media Barat yang menunjukkan seolah-olah beliau pemimpin negara ini,” katanya.

Akhbar Daily Telegraph yang berpangkalan di United Kingdom telah menyiarkan kenyataan Anwar yang mempersoalkan kegagalan sistem radar canggih, Marconi untuk mengesan perubahan arah laluan pesawat MH370 dan menuduh Malaysia menyembunyikan maklumat berkaitan.

Dalam pada itu, Khairul menggesa Ahli Parlimen Permatang Pauh itu menutup mulut kerana tindakan beliau hanya memberikan gambaran buruk usaha kerajaan menyelesaikan isu tersebut.

Tambahnya, kerajaan perlu mengambil tindakan berhubung perkara ini kerana sekiranya dibiarkan, ia mampu memberi persepsi buruk kepada negara dalam jangka masa panjang.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/04/07/mh370-jika-anwar-baik-dengan-obama-gunakan-kelebihan-itu/>